

Headline	Agrobazaar Rakyat 1Malaysia akan diperluas		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)		
Date	13 Feb 2017	Color	Black/white
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	84 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 336
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,008



Agrobazaar Rakyat 1Malaysia akan diperluas

ALOR GAJAH - Pertubuhan Peladang negeri merancang memperluaskan operasi Agrobazaar Rakyat 1Malaysia di enam lokasi selaras dengan usaha kerajaan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup.

Exco Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Hasan Rahman berkata, sehingga kini terdapat dua agrobazar yang telah beroperasi iaitu di Masjid Tanah dan Merlimau bermula sejak Januari lalu.

Menurutnya, antara objektif penubuhannya ialah menjadi saluran pasaran produk agromakanan bagi membantu usahawan tani mendapat pulangan munasabah selain memberi alternatif kepada pengguna mendapatkan produk dengan harga berpatutan.

“Program Agrobazaar Rakyat 1Malaysia antara usaha dilaksanakan jabatan serta agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menyarankan untuk menyokong usaha kerajaan melalui Bajet Negara 2015 yang bertemakan ‘Ekonomi Keperluan Rakyat,’” katanya.

Dalam pada itu, pihaknya berharap Pertubuhan Peladang dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) negeri dapat menjalin kerjasama ke arah melebarkan rangkaian pasaran lebih luas.

“Walaupun kedua-dua agensi itu mempunyai konsep agrobazar masing-masing, kerjasama itu dilihat memberi peluang kepada dua-dua pihak untuk memasarkan produk usahawan tani bukan sahaja di dalam kawasan malah di luar negara,” katanya.